



**“MPS sedang mengenal pasti beberapa langkah perlu bagi mengatasi masalah berkenaan dengan sasaran mengatasi banjir kilat yang kini sering melanda”**

**Abdul Halim Abdul Latif**  
Yang Dipertua MPS

OWEE AH CHUN | BERITA HARIAN

**PERLU PERHATIAN:** Bandar Seremban sering dilanda banjir kilat jika hujan lebat dalam beberapa jam.

# MPS baiki perparitan lapuk

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban turun padang meninjau sejauh mana tindakan perlu dibuat atasi masalah

Oleh Ahmad Syahrul Derauh

**S**EREMBAN: Kepesatan pembangunan pusat bandar Seremban dengan pelbagai reka bentuk bangunan baru yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan menjadikan ibu negeri Tanah Beradat ini semakin ceria, tidak seperti sedekad lalu.

Pembangunan itu bagaimanapun menimbulkan masalah baru apabila sistem perparitan dibina puluhan tahun lalu kini tidak lagi mampu menampung aliran air yang semakin meningkat.

Keadaan itu menyebabkan se-setengah kawasan ditenggelami banjir kilat setiap kali hujan lebat, sekali gus menimbulkan keresahan kepada warga bandar.

Ini kerana banjir kilat yang kerap melanda menjejaskan kelancaran sistem lalu lintas apabila laluan tertentu tidak dapat dilalui kerana ditenggelami air.

Menyedari masalah itu, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) mengambil tindakan segera dengan membuat perancangan teliti memperbaiki semula sistem perparitan berkenaan.

Malah, Yang Dipertuanya, Abdul Halim Abdul Latif sendiri turun padang meninjau sejauh mana tindakan perlu dibuat terhadap sistem perparitan yang dikatakan sudah lapuk dan sering ter-sembat itu.

Katanya, walaupun sesetengah pihak mungkin menganggap masalah longkang dan parit sebagai isu remeh, kemudahan itu tetap perlu diberikan perhatian sewajarnya.

“Bandar Seremban adalah bandar lama yang sudah berusia lebih 100 tahun... longkang sedia ada dibina mengikut konsep lama yang kini sudah tidak dapat menampung pengaliran air.

Beliau berkata, sebanyak RM30 juta diperlukan untuk menaikkan taraf longkang di sekitar pusat bandar ini yang akan disempurnakan secara berperingkat bergantung kepada peruntukan.

Bagaimanapun, kerja terbabit sudah dilaksanakan di beberapa jalan utama dengan fasa pertama membabitkan perbelanjaan kira-kira RM400,000.

Abdul Halim berkata, projek pelebaran

longkang fasa pertama membabitkan Jalan Lee Sam serta bersebelahan Sungai Temiang sehingga Jalan Datuk Sheikh Ahmad.

Fasa kedua pula dijangka dimulakan Julai ini membabitkan persimpangan Jalan Datuk Sheikh Ahmad dan Jalan Datuk Bandar Tunggal dengan anggaran kos RM900,000 dan diadualkan siap dalam tempoh empat bulan.

“Kita kenal pasti longkang di sini salah satu punca banjir kilat di pusat bandar. Berikutan itu, untuk fasa kedua, longkang sepanjang 200 meter sedia ada akan dilebarkan daripada 1.5 meter kepada 2.5 meter.

“Selain itu, longkang itu akan diletakkan penutup dan dihiasi pelbagai landskap menarik untuk menambah lagi keceriaan bandar,” katanya.

Beliau berkata, keadaan infrastruktur yang lama di bandar ini menyebabkan MPS mengambil langkah penambahbaikan supaya selaras kemajuan pembangunan semasa.

Selepas fasa kedua, MPS merancang memulakan pelebaran longkang fasa ketiga membabitkan kos RM500,000 dari Jalan Datuk Sheikh Ahmad sehingga berdekatan Jalan Yam Tuan.

“Apabila siap ketiga-tiga fasa berkenaan, kita yakin masalah banjir kilat yang sering melanda sekitar pusat bandar ini dapat diatasi sepenuhnya,” katanya.

Selepas projek pelebaran longkang utama disiapkan melalui tiga fasa itu, MPS akan menumpukan pula kepada kerja menaik taraf beberapa longkang kecil di bandar.



**TURUN PADANG:** Abdul Halim tinjau keadaan longkang di sekitar Bandar Seremban.



**PUNCA:** Longkang di Jalan Dato Sheikh Ahmad jadi tempat pembuangan sampah.

## FAKTA NOMBOR

Projek naik taraf sistem perparitan di Bandar Seremban

**RM 400,000**

Kos fasa pertama

**RM 900,000**

Anggaran kos fasa kedua

**RM 500,000**

Anggaran kos fasa ketiga